



Semua Pelajar Berdaftar
Semester 3 Sesi Akademik 2020-2021
Pusat Kembangan Pendidikan

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2020-2021

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Semester 3 Sesi Akademik 2020-2021 akan diadakan pada **27 September hingga 3 Oktober 2021**. Untuk makluman saudara/i, **tiada peperiksaan berjadual akan dijalankan pada semester ini**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi sesuatu kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 3 Sesi Akademik 2020-2021 melalui **SMPE** mulai **6 hingga 12 September 2021**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

AZNIDA MOHAMED IDRIS

Eksekutif

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Penyelaras Program
- Timbalan Pengarah Akademik dan Pengembangan Program
- Ketua Bahagian Akademik dan Pengembangan Program
- Unit Pengurusan Akademik dan Rekod



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4078 Faks: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp